



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/56 Jld. 7 (50)
Tarikh : 10 Mei 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N36 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2019/2020

Dengan segala hormatnya saya diarahkan untuk merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam proses persediaan pengisian jawatan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) Gred N36 bagi tahun 2019/2020. Sehubungan dengan ini, pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan dimohon untuk mengemukakan maklumat PPT Gred N32 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti yang berikut:

- 2.1 Dinaikkan pangkat sebagai PPT Gred N32 pada 30 Jun 2012 dan sebelum;
- 2.2 Tidak hilang kekanan sehingga menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred N32 berubah ke tarikh 1 Julai 2012 dan seterusnya;
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi tiga tahun terkini (2016, 2017 dan 2018) tidak kurang daripada 80%;
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisyiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.8 Diperakuan oleh Ketua Jabatan.

...2/



3. Semua permohonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan **Lampiran A**, **Lampiran B** dan **Lampiran C** seperti yang disertakan. Bagi calon-calon yang telah diperakuan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) Bilangan 4 Tahun 2018 bertarikh 19 Disember 2018 dan masih dalam tempoh sah laku semasa iklan ini dikeluarkan yang memenuhi syarat seperti perenggan 2 perlu mengemukakan semula permohonan baharu untuk dipertimbangkan dalam LKPPA.

4. Kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dimohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agenzi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan, JPA sebelum atau pada 17 Julai 2019 di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Mohd Zulkefley bin Mohd Sabri)

5. Dimaklumkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agenzi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk **memastikan hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti yang dinyatakan dalam **perenggan 2** dikemukakan kepada JPA. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan). Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.

6. Sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan pemangkuhan ini boleh diajukan terus kepada pegawai berikut:

- | | | |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|--------------|
| i. Puan Yusleli binti Hj. Mohd Yunos
(e-mel : yusleli.yunos@jpa.gov.my) | - | 03-8885 4351 |
| ii. Encik Ilyia Izzat bin Mat Rashid
(e-mel : izzat.rashid@jpa.gov.my) | - | 03-8885 4171 |

Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)

Timbalan Pengarah
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia
☎ : 03-8885 4110
✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my